

# 41 ahli UPMKB sertai ceramah bahaya dadah

**BINTULU:** Kira-kira 41 ahli Kelab Pencegahan Dadah Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menyertai Program Hari Bersama Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) 2.0 di Pantai Tanjung Batu di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan, program yang diadakan dengan kerjasama PEMADAM Bahagian Bintulu itu menerapkan pengisian sesi perkongsian kisah di sebalik jeriji besi oleh bekas banduan yang telah

terjerumus dalam kancang najis dadah sehingga dipenjarakan dan kini telah diberi parol.

Turut diadakan adalah pameran dan ceramah tentang bahaya najis dadah oleh Ahmad Amirul dari Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Bintulu.

"Selain ceramah, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak bawah 12 tahun juga diadakan.

"Kemuncak program adalah acara sukaneka, kuiz berkaitan dadah serta

cabutan bertuah," kata kenyataan itu.

Majlis penutupan disempurnakan oleh Timbalan Pengurus PEMADAM Daerah Bintulu, Kederi Yusof, mewakili pengurusnya yang juga Pegawai Daerah Bintulu, Muhammad Dino Amid.

Kederi memberitahu, PEMADAM Daerah Bintulu bersama Kelab Pemadam UPMKB merancang untuk menganjurkan program Lawatan Muhibbah ke negara Brunei Darussalam pada masa akan

datang.

"Program tersebut masih dalam perbincangan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) negara terbabit," ujarnya

Turut hadir adalah Ketua Inspektor Penjara, Muhammad Badli Weini; Sarjan Penjara, Sarjan Sofezul Ramali; Muhammad Danial daripada AADK Bintulu dan penasihat program, Rosidah Basir serta Pegawai Psikologi UPMKB, Abdul Rahim Habib.